

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN BERIKUTNYA  
(BORANG P – SEKSYEN 17)  
AKTA HARTA PUSAKA KECIL  
(PEMBAHAGIAN) 1955**

**A. Permohonan Berikutnya – Borang P** hendaklah dikemukakan di Pejabat Tanah atau Unit Pembahagian Pusaka di mana permohonan awal (Seksyen 8 – Borang A) pembahagian harta simati telah diselesaikan. Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut;

**1. Satu (1) salinan Borang P yang lengkap diisi**

**2. Satu (1) salinan perintah awal/ notis pembicaraan terdahulu**

**3. Jika Permohonan Berikutnya adalah bagi tujuan:**

**3.1 Harta tak alih ketinggalan**

**Hakmilik/Geran** - Sila dapatkan salinan yang diakui sah (CTC), carian rasmi dari Pentadbir Tanah atau Pendaftar hakmilik bagi harta tak alih yang dituntut. **Kemukakan salinan asal CTC, carian rasmi bersama satu salinan yang telah difotostat** (mengikut keperluan).

**ATAU**

**Dua (2) Salinan Surat Perjanjian Jual Beli Harta yang dituntut/ rumah** – jika harta tersebut masih belum mempunyai hakmilik.

**3.2 Membatalkan Suratkuasa Mentadbir / Pemegang Amanah.**

Sila kemukakan satu salinan hakmilik(geran) yang telah didaftarkan nama pentadbir/pemegang amanah.

**3.3 Harta alih yang ketinggalan**

Satu salinan dokumen harta alih tersebut (buku akaun atau penyata simpanan, sijil, saham, hakmilik kenderaan dll)

**B. TARIKH PERBICARAAN AKAN DITENTUKAN KEMUDIAN & DIBERITAHU MELALUI NOTIS (NOTIS PENDENGARAN PERMOHONAN BERIKUTNYA SEKSYEN 17 AKTA 98). SILA BAWA DOKUMEN YANG ASAL SEMASA PEMBICARAAN TERSEBUT.**

**C. SILA CATATKAN NOMBOR TELEFON UNTUK DIHUBUNGI DI SEBELAH KANAN BAHAGIAN ATAS BORANG P.**